

	MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM	NO. DOKUMEN	MDTM/MKKP
		NO. PINDAAN	0
DOKUMEN:	MANUAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	TARIKH KUATKUASA	15/11/2018
SEKSYEN 5:	DASAR KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN	MUKA SURAT	1 – 1

1.0 DASAR KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN


DASAR KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) komited dalam menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk mengelakkan kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan. Dasar ini bersesuaian dengan tujuan, saiz dan konteks di MDTM serta spesifik dengan risiko dan peluang KKP.

Bagi menjayakan dasar ini, Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) adalah komited:

- Mematuhi kehendak-kehendak perundangan Malaysia seperti Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia 1994 (Act 514), Akta Kilang & Jentera 1967 dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan.
- Menyediakan perundingan dan penglibatan untuk semua pekerja mahupun wakil pekerja untuk penambahbaikan Sistem Pengurusan KKP.
- Untuk menghapuskan bahaya dan mengurangkan risiko KKP melalui pelaksanaan langkah-langkah kawalan yang berkesan.
- Menyiasat semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya yang dilaporkan serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi.
- Memastikan penambahbaikan berterusan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan.

MDTM percaya bahawa untuk mencapai objektif keselamatan dan kesihatan, kerja berpasukan adalah penting dan kami mengharapkan sumbangan daripada setiap individu bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Dasar ini hendaklah dimaklumkan kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam aktiviti harian MDTM.



(FAIZAL NIZAM BIN MD NOR)
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
TARIKH: 15/11/2018